

23/08/2003

Sastera Malaysia tidak diberi perhatian di Jerman

Marsli NO

DR LIM KIM HUI menerima sarjana muda dan sarjana sastera dari Universiti Malaya dan ijazah doktor falsafahnya dari Universiti Hamburg. Beliau pernah memenangi Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1987 dan Hadiah Cerpen Malayan Banking-DBP II (1989). Tidak ketinggalan Dr Lim turut memenangi Hadiah Peraduan Menulis Puisi Bosnia 1994 dan Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank 1994 (Kategori Hadiah Khas Puisi). Ikuti wawancara MARS LI NO dengan sarjana dan penyair ini.

DR LIM awalnya menulis sajak tetapi kini kelihatan semakin asyik di dunia akademik, kenapa?

Memang ada benarnya. Selepas pulang dari Sabah, kebanyakan waktu saya tumpukan kepada kerja akademik. Saya hanya bermesra semula dengan puisi ketika di Jerman. Jarak antara kehidupan di perantauan dan kerinduan tanah air, menggelojkan semula minat saya dalam puisi. Saya sendiri kurang suka dibebani kerja pentadbiran kerana ia menghambat kreativiti saya yang sering mencari pembebasan melalui puisi. Memang dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini nama saya tidak mesra dengan media dan genre penulisan puisi kerana saya tidak banyak mengirinkan sajak ke media. Saya banyak menulis tetapi belum terasa mahu dikirinkan. Di Jerman saya diundang beberapa kali oleh Universiti Hamburg untuk mendeklamasikan puisi peribadi dengan versi terjemahan bahasa Jerman dibacakan oleh seniman lain. Saya turut diundang membacakan puisi saya di Konsulat Indonesia di Hamburg. Nampaknya sewaktu di luar negara, saya terasa asyik dengan kedua-dua bidang, dunia penciptaan puisi dan dunia akademik.

Apa yang mendorong Dr Lim menulis sajak?

Saya menulis kerana saya berasa kata sebahagian daripada diri manusia. Yang berbeza mungkin gelanggang yang kita pilih. Saya menulis puisi kerana ia sebahagian daripada gerak hati dan emosi saya. Saya meminati puisi kerana ia membabitkan bahasa. Bahasa bagi saya sejenis permainan yang mengasyikkan. Saya menemui kepuasan dalam kata-kata.

Apakah Dr Lim melihat kemungkinan sajak atau karya sastera menyumbang sesuatu kepada masyarakat?

Tentu tetapi secara tidak langsung. Kalau tidak takkanlah Dr Mahathir juga berpuisi. Dewasa ini, masyarakat kita sering mempunyai tanggapan yang sempit mengenai pembangunan. Sumbangan sering diukur dengan wang ringgit. Pembangunan pula lazimnya dilihat daripada dimensi material. Definisi pembangunan berdasarkan bangunan tinggi sebenarnya suatu bentuk pengameriksaan cita rasa. Kalau kita ke Eropah, bangunan tinggi bukannya keutamaan. Malah kemajuan teknologi juga bukan matlamat tetapi alat atau perantaraan untuk memperkukuhkan tradisi. Bagi saya, puisi memberikan kepuasan emosi dan hati budi, manakala dunia akademik memberikan kepuasan rasionaliti dan akal budi.

Sejauh mana Dr Lim melihat penulis berperanan sebagai jurucakap dan penggerak perubahan dalam masyarakat?

Penulis ibarat pemimpin pendapat sesebuah masyarakat. Bagaimanapun, penulis harus disokong oleh media agar suara mereka dapat didengari. Pena kita itu seperti pisau. Kalau kita menggunakannya untuk tujuan kebaikan, maka masyarakat akan menjadi maju. Dengan menggunakan pena, penulis juga mempunyai peranan kritikan sosial bagi menyuarkan hasrat golongan yang tertindas. Sebaliknya kalau pena disalahgunakan oleh penulis yang tidak bertanggungjawab, maka masyarakat akan menjadi huru-hara.

Sebagai seorang ahli akademik, apa pandangan Dr Lim terhadap sastera

Malaysia dan perkembangan karya serta penulisnya?

Terus-terang saya katakan kebelakangan ini saya melihat sastera Malaysia dari jauh. Sastera Malaysia tidak banyak berubah. Secara fizikal mungkin ada banyak kegiatan tetapi secara idea, masih perlu diusahakan. Saya secara peribadi sering membandingkan persoalan kenapa Jerman boleh menghasilkan ramai ahli falsafah, komposer, ahli sains dan sasterawan besar. Saya berpendapat, kebebasan berkreativiti asas yang paling penting. Mungkin saya silap dalam membuat perbandingan. Barangkali kita juga tidak mempunyai persekitaran, kerangka pemikiran dan pengalaman sejarah yang kondusif untuk menulis dengan lebih berani.

Dr Lim berada di Jerman beberapa lama. Bagaimana tanggapan mereka terhadap sastera Malaysia dan apakah usaha promosi kita sudah memadai berbanding Indonesia?

Umumnya sastera Malaysia tidak begitu banyak diberi perhatian. Kalau ada sekalipun, ia lebih bersifat sandaran kepada sastera Indonesia. Hal ini berkait rapat dengan bahasanya. Umumnya pelajar Jerman yang belajar bahasa Melayu akan mempelajari bahasa Indonesia dan bukannya bahasa Malaysia. Kalaulah bahasa Indonesia yang dipelajari, tentu sekali juga sasteranya. Malahan sehingga kini saya difahamkan belum ada seorang pun pengajar Malaysia sepenuh masa yang mengajar bahasa Malaysia di Jerman. Barangkali kita terlalu berkiblatkan Inggeris. Kalau ada pembacaan puisi sekalipun, London akan menjadi tempat utama kita dan bukannya Hamburg mahupun Berlin.

Kajian Dr Lim khabarnya mengenai peribahasa Melayu. Apakah antara inti yang ditemui?

Umumnya melalui kajian saya, saya mendapati peribahasa suatu genre yang sering diabaikan oleh pengkaji. Orang lebih tertarik dengan pantun kerana ramai berpendapat pantun lebih asli dalam mewakili pemikiran Melayu. Pada saya, ini kurang tepat kerana kalau kita hendak melihat aspek pemikiran logik, peribahasa sesungguhnya lebih sesuai. Kajian saya membuktikan kerangka pemikiran logik jelas dapat ditemui dalam peribahasa dan orang Melayu dulu kala sebenarnya sudah jauh lebih awal menghayati konsep kepakaran ilmu.

Bagaimana sambutan ahli akademik terhadap kajian Dr Lim?

Umumnya, kajian dalam bidang sastera dan kemanusiaan tidak begitu diberi perhatian berbanding kajian yang nilai ekonominya dapat dilihat. Itulah antara dilema sejagat apabila masyarakat menjadi semakin materialistik.

Bagaimana cara untuk menyempitkan jurang perkauman melalui sastera kebangsaan selain daripada anugerah untuk penulis bukan Melayu yang sudah disediakan?

Hal ini tidak mudah kerana masyarakat kita dicirikan oleh latar belakang budaya, bahasa dan agama yang berbeza. Rata-rata saya melihat sastera Melayu lebih memberi fokus kepada isu Melayu dan bukannya Malaysia. Bertambah rumit lagi kalau persoalan yang ditimbulkan berkisar di sekitar agama Islam. Kalau sastera Melayu mahu diangkat menjadi sastera kebangsaan, penulisnya harus berani mengeluarkan diri daripada kepompong ini. Dalam hal itu, saya masih melihat Sasterawan Negara Usman Awang paling berjaya. Karyanya sering mendapat tempat di kalangan masyarakat bukan Melayu.

Apa komen Dr Lim mengenai Islam yang dilabelkan sebagai pengganas?

Memang salah untuk kita melakukan generalisasi dan stereotaip seperti orang Islam pengganas, orang Melayu malas, orang Cina tidak patriotik, orang Barat tidak bermoral dan orang India pemabuk. Prejudis ini berterusan. Orang Barat berprejudis terhadap Islam dan sebaliknya. Dalam hal ini, dua perkara harus dibezakan. Intipati Islam dan bagaimana Islam dipotretkan kepada masyarakat umum, terutamanya bukan Islam. Secara inti pati, apakah kandungan Islam menyumbang kepada keganasan itu tidak penting kerana kebanyakan orang tidak pernah membaca al-Quran. Begitu juga

kebanyakan orang Islam tidak akan membaca Bible. Apa yang penting kepada golongan bukan Islam adalah bagaimana imej orang Islam diperagakan. Orang menilai Islam bukan dengan merujuk kepada al-Quran tetapi melalui tingkah laku penganutnya.